



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

MEMBANGUN UMMAH MADANI

Tarikh Dibaca:

**1 MUHARRAM 1447H /
27 JUN 2025**

**Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MEMBANGUN UMMAH MADANI

27 JUN 2025 / 1 MUHARRAM 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

* وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللّٰهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَغَّماً كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللّٰهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللّٰهِ وَكَانَ اللّٰهُ

غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٠﴾ النساء [100]

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara *lagha* seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan berbicara tentang; “**Membangun Ummah MADANI**”.

Sebelum meneruskan khutbah, saya ingin menyeru sidang Jemaah sekalian untuk terus memanjatkan doa pertolongan kepada Allah SWT agar melindungi, menyelamatkan dan memberi kemenangan kepada penduduk Palestin dalam mempertahankan tanah air mereka. Sesungguhnya doa dari kita semua adalah senjata yang paling ampuh boleh kita

salurkan kepada mereka dan hanya kepada Allah SWT jualah tempat yang selayaknya kita memohon pertolongan.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah merupakan titik perubahan terbesar dalam sejarah umat Islam. Ia bukan sekadar perpindahan tempat, tetapi lambang kepada perjuangan, pengorbanan dan perubahan ke arah yang lebih baik.

Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisaa' ayat 100 yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi bermaksud:

"Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

Terlalu banyak pengajaran penting yang boleh kita ambil daripada peristiwa hijrah ini. **Pertama**, hijrah mengajar kita tentang **pengorbanan**. Para sahabat sanggup meninggalkan harta benda, keluarga dan kampung halaman demi menyelamatkan akidah. Inilah erti perjuangan sebenar.

Dalam konteks hari ini, masyarakat Madani mesti dibina dengan semangat pengorbanan iaitu yang sanggup meninggalkan sikap pentingkan diri, mengorbankan masa dan tenaga demi kepentingan ummah seluruhnya.

Kedua, hijrah memperlihatkan **perancangan yang teliti** oleh Rasulullah SAW. Baginda menyusun strategi, memilih laluan yang tidak dijangka, menugaskan Saidina Ali menggantikan tempat tidur, meminta Asma' binti Abu Bakar menyediakan bekalan, dan Abdullah bin Abu Bakar menjadi perisik.

Ini menunjukkan bahawa Islam tidak menolak perancangan strategik, bahkan menganjurkan umatnya supaya berfikir jauh, menyusun langkah dan bertindak bijak.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfaal ayat 60:

وَاعِدُوا لَهُم مَا أَسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI,

Ketiga, peristiwa hijrah juga mengajar kita tawakal yang sebenar iaitu **berserah kepada Allah setelah berusaha**. Sewaktu di Gua Thur, Saidina Abu Bakar *radhiyallahu anhu* ketakutan, lalu Rasulullah SAW menenangkannya dengan firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah ayat 40:

لَا تَخَرَّجْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا

“Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita”.

Dalam membina ummah Madani, kita tidak cukup dengan semangat sahaja. Kita perlu yakin bahawa Allah akan menolong kita jika kita benar-benar berusaha dan berserah kepada-Nya.

Keempat, hijrah **menyatukan** kaum Muhajirin dan Ansar. Mereka hidup saling menyokong, berkongsi harta dan kasih sayang. Inilah asas ukhuwah Islamiyah dan nilai persaudaraan yang perlu kita hidupkan kembali dalam masyarakat hari ini.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud:

“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI,

Rasulullah SAW juga menyusun semula masyarakat Madinah yang majmuk. Baginda menggubal Piagam Madinah, menyusun hak-hak dan tanggungjawab antara umat Islam, Yahudi dan puak-puak Arab lain. Ini menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf keadilan sosial, hak minoriti dan hidup bersama dalam aman.

Masyarakat Madani hari ini perlu dibina di atas asas yang sama iaitu saling menghormati, tolak ansur, keadilan dan kebersamaan, bukan perpecahan dan kebencian.

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar *radhiyallahu anhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ

“Seorang Muslim itu adalah saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak menzaliminya dan tidak menyerahkannya (kepada musuh)”.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Akhir sekali, hijrah ialah simbol kepada perubahan diri. Nabi SAW bersabda:

وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

“Dan orang yang berhijrah ialah orang yang meninggalkan apa-apa yang dilarang oleh Allah”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Maka, berusahalah sebaik mungkin meninggalkan perkara-perkara yang negatif kepada gaya hidup yang lebih positif seperti berubah daripada malas kepada rajin, daripada boros kepada berhemah, daripada lalai kepada sedar, daripada benci kepada kasih sayang.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hijrah mengajar kita bahawa perubahan tidak berlaku dengan mudah. Ia menuntut pengorbanan, perancangan, tawakal, persaudaraan dan keazaman. Ummah Madani yang ingin kita bangunkan hari ini ialah kesinambungan perjuangan hijrah Rasulullah SAW. Allah SWT berfirman dalam Surah ar-Ra'du ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”.

Maka marilah kita sama-sama beriltizam untuk berubah menjadi yang terbaik, bermula dari dalam diri, keluarga kita, dan masyarakat kita ke arah yang lebih baik, lebih berakhhlak

dan lebih diredhai Allah SWT. Semoga tahun baharu 1447 Hijrah menjadi detik permulaan perubahan yang sebenar.

Semoga kita tergolong dalam golongan yang berhijrah ke arah kebaikan, sebagaimana yang dijanjikan dalam firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهُدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَةَ اللَّهِ﴾

﴿وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ﴾ ٢١٨

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”. (**Surah al-Baqarah ayat 218**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقْبِلُ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيدَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكِيَّتُهُ يُصَلُّونَ عَلٰى

النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمُ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدُوكَ بِكِينِدا يَعْ دَ-فَرْتوَانِ اكْنُوْغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدُوكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايُوسِرِي اكْنُوْغْ، رَاجِ زَارِيَثْ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْزِزِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاحْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَمْتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata maupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.